
**KEMASUKAN ISLAM KE ARKIPELAGO MELAYU:
Kajian Pemikiran Hamka dalam Sejarah Umat Islam**

Ahmad Nabil Amir
nabiller2002@gmail.co
International Institute of Islamic Thought and Civilization

Abstrak

This paper discusses the emergence and spread of Islam in the Malay Archipelago as articulated and brought forth by Hamka in *Sejarah Umat Islam*. In his significant analysis of the history of Islam in Malay Archipelago, Hamka established the fact that Islam comes to this region in 7th CE from Arab, and refuted the claims that it was spread later in 13th CE from Gujerat. This was reinforced with significant historical facts that evidently pointed out that Islam had been established in the Malay world early in 7th CE. This paper will analyze Hamka's thought on the early development of Islam in Malay Archipelago and compared it with the works of Syed Muhammad Naquib al-Attas in *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (*Islam in Malay History and Culture*) that concluded the same thesis.

Keywords—*Islam, Malay Archipelago, Hamka, Sejarah Umat Islam*

Abstrak

Kertas ini membincangkan sejarah kemasukan Islam ke rantau melayu seperti yang dicatatkan oleh Hamka dalam *Sejarah Umat Islam* dan Dari Perbendaharaan Lama. Dalam penelitiannya yang signifikan tentang sejarah perkembangan Islam di nusantara, Hamka tuntas mempertahankan kenyataan bahawa Islam masuk ke rantau ini pada kurun ke 7 M dari tanah Arab, dan menolak tesis yang menyatakan Islam disebarluaskan pada kurun ke 13 dari Gujerat. Ini dipertahankan dengan sumber sejarah yang signifikan yang membuktikan Islam telah bertapak di dunia melayu seawal kurun ke 7. Kertas ini akan menganalisis pemikiran Hamka tentang perkembangan sejarah terawal Islam di dunia melayu yang dicerakinkan dan dibahaskan dengan terperinci dalam karyanya, dan membandingkannya dengan analisis Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* yang mempertahankan tesis yang sama.

Kata kunci— Islam, Nusantara, Hamka, Sejarah Umat Islam

A. Pendahuluan

Makalah ini menelusuri teori sejarah yang dikemukakan oleh Hamka tentang tarikh terawal kedatangan Islam ke kepulauan melayu-nusantara. Pandangan ini dilakarkan dalam karyanya yang signifikan seperti *Sejarah Umat Islam, Tafsir al-Azhar, Dari Perbendaharaan Lama dan Ayahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera* yang menzahirkan pandangan bahawa Islam telah masuk ke rantau ini seawal kurun ke 7 M. Menurutnya, teori yang menyebut Islam baru tersebar ke rantau ini pada pertengahan abad ke-14 tidak dapat dipertahankan, kerana wujud bukti yang sahih dan luas bahawa empayar Islam telah ditemui di rantau ini dari kempen perluasan dakwah dan perdagangan di zaman Khalifah melalui pelayaran bangsa Arab ke Selat Melaka dari Laut Merah terus ke Tiongkok, dan dari catatan ahli-ahli geografi bangsa Arab tentang kerajaan Kilah (Kataha di Sumatera Tengah, atau Kedah di Malaya) dan Kerajaan Syarbazah (Sriwijaya). Justeru tulisan ini bertujuan meninjau keterangan dan hujah-hujah dasar yang diketengahkan dalam mempertahankan pandangannya tentang teori kedatangan Islam ke Nusantara.

B. Metode Penelitian

Metode kajian ini adalah berdasarkan teknik kualitatif dan kuantitatif dengan menyorot literatur sejarah dan karya-karya historiografi Hamka yang menganalisis teori kedatangan Islam ke alam Melayu. Instrumen atau alat yang digunakan sebagai pengumpul data adalah bahan-bahan bertulis dan manuskrip lama. Kajian ini berbentuk penelitian kepustakaan. dari jenis analisis kandungan terhadap sesuatu bahan secara deskriptif-analitis dan komparatif, dengan membuat perbandingan tentang premis-premis sejarah yang diajukan Hamka dengan penemuan-penemuan sejarah yang terkait.

C. Pembahasan

1. Sejarah Hidup

This part consists of the research results and how they are discussed. The results obtained from the research have to be supported by sufficient data. The research results and the discovery must be the answers, or the

research hypothesis stated previously in the introduction part. The following components should be covered in the discussion: How do your results relate to the original question or objectives outlined in the Introduction section (what/how)? Do you provide interpretation scientifically for each of your results or findings presented (why)? Are your results consistent with what other investigators have reported (what else)? Or are there any differences? Syaikh Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (HAMKA) dilahirkan pada tahun 1908/1325 di Danau Maninjau, Padang Panjang, Sumatera. Beliau adalah putera kepada Dr. Syeikh Abdul Karim Syeikh Amrullah, tokoh pelopor gerakan kaum muda di Minangkabau “yang memulai gerakannya pada tahun 1906 setelah kembali dari Mekah.” (Rusydi Hamka, 2002: 1) Hamka tumbuh dalam suasana pergerakan dan pertentangan yang keras antara kaum tradisionalis dan golongan pembaharu, dan “sejak kecilnya ia telah mendengar perdebatan-perdebatan yang sengit antara kaum muda dengan kaum tua tentang fahaman agama”. Pada tahun 1918, ayahnya mendirikan pondok pesantren di Padang Panjang yang digelar “Sumatera Tawalib”, dan Abdul Malik “menyaksikan kegiatan ayahnya di dalam menyebarkan fahaman dan keyakinannya.”

Akhir tahun 1924, Hamka menuju ke Tanah Jawa, dan Yogyakarta dan berkenalan dengan H.O.S. Tjokroaminoto, Kibagus Hadikusumo, R.M. Soerjopranoto dan H. Fakhruddin dan melihat pelopor gerakan politik dan sosial Islam dari “Syarikat Islam Hindia Timur” dan “Muhammadiyah”. Kemudian berangkat ke Pekalongan menemui gurunya A.R. Sutan Mansur yang menjadi ketua (Voorzitter) Muhammadiyah cabang Pekalongan dan berkenalan dengan Citrosuarno, Mas Ranuwiherjo, Mas Usman Pujotomo dan Mohammad Roem.

Pada tahun 1929 beliau bernikah dengan Siti Raham dalam usianya 21 tahun, dan aktif menguruskan Muhammadiyah cawangan Padang Panjang dan Bengkalis, dan pada 1931 diutus sebagai mubaligh Muhammadiyah ke Makasar. Pada 1936, beliau berhijrah ke Medan memimpin majalah *Pedoman Masyarakat* dan mendirikan gerakan mubalighin Muhammadiyah di Sumatera Utara dan Sumatera Timur sehingga pendudukan Jepun pada

1942. Pada 1950 beliau diangkat sebagai pegawai Kementerian Agama di bawah menterinya K.H. Wahid Hasyim. Dalam mengembangkan tugasnya sebagai pegawai golongan F itu, beliau diserahi tugas mengajar di beberapa institusi Islam, seperti Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri (PTAIN) Yogyakarta, Universiti Islam Jakarta, Fakulti Hukum dan Falsafah Muhammadiyah di Padang Panjang, Universiti Muslim Indonesia (UMI) Makassar dan Universiti Islam Sumatera Utara (UISU).

Pada 17 Februari 1958 setelah menerima gelar Doktor Honoris Causa dari Universiti al-Azhar, Mesir beliau berangkat ke Mekah menunaikan umrah, dan bertepatan hari lahirnya yang ke 50 itu, di bawah lindungan Kaabah, beliau berdoa “agar sisa umurnya bermanfaat bagi meneruskan cita-cita yang telah dirintis oleh ayahandanya melalui Sumatera Tawalib dan organisasi Muhammadiyah yang dimasukinya”.

Pada Julai 1959 beliau menerbitkan majalah *Panji Masyarakat* bersama K.H. Fakih Usman yang memperjuangkan soal-soal kebudayaan dan pengetahuan Islam. Majalah ini dibredel oleh Sukarno pada 17 Ogos 1960 kerana memuatkan tulisan Dr. Mohammad Hatta “Demokrasi Kita” yang mengkritik konsep “Demokrasi Terpimpin” dan pelanggaran konstitusi oleh Sukarno. Majalah ini digantikan dengan “Gema Islam” pada 1962 yang dipimpin oleh Letjen Sudirman dan Brigjen Muchias Rowi.

Pada 1964 beliau ditahan kerana tuduhan subversif dan dibebaskan setelah regim orde lama Sukarno digulingkan pada 1966. Di sinilah beliau menyiapkan sebahagian besar dari *Tafsir al-Azhar*. Pada 1967 beliau menerbitkan semula *Panji Masyarakat* di bawah orde baru dan terus memperjuangkan gagasan dan faham tajdid yang dipelopori oleh Perguruan Tawalib dan Muhammadiyah. Beliau turut menjawat sebagai Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia sehingga 1981 dan Penasihat Pimpinan Pusat Muhammadiyah. (Rusydi Hamka, 2002: 8)

2. Sejarah Umat Islam

Buku *Sejarah Umat Islam* merupakan sebuah karya sejarah yang monumental yang dikerjakannya dari tahun 1939 hingga 1961 (22 tahun). Buku ini merakamkan sejarah besar peradaban Islam dan perkembangan

dakwahnya yang signifikan sejak dari zaman pra-Islam ke tahun-tahun terawal Hijrah hingga ke era moden. Penghasilan yang ekstensif ini merupakan pencapaian yang tinggi dan luar biasa dalam penyusunan karya sejarah, yang membentangkan perkembangan Islam yang dramatik di semenanjung Tanah Arab, dan perluasannya ke negara-negara Afrika, India, Parsi, Andalus, Iran, Afghanistan, Safawi, Tiongkok, Hindustan, Turki Uthmani sampai ke nusantara. Penulisannya ini merupakan yang pertama menyangkut perkembangan sejarah bangsa-bangsa timur itu yang berhasil dalam bahasa Indonesia, di mana menurutnya: “Pada pengetahuan saya baru inilah pertama yang ditulis dalam bahasa Indonesia berkenaan dengan perkembangan Islam di Iran, Afghanistan, India dan tempat-tempat lain yang bertalian dengan itu. Mudah-mudahan saja pekerjaan saya ini dapat lebih disempurnakan oleh peminat sejarah Islam yang lain.” (Hamka, 2016).

Dalam penelitiannya tentang historiografi Islam yang tercermin dalam buku *Sejarah Umat Islam* ini, Nafisa Nurbayyinah Sulaeman (2018) menganggarkan: “Karya ini menarik karena muncul sebagai bagian dari mendudukkan umat Islam di Indonesia dalam peta Islam global. Ditambah lagi dari sisi gaya penulisan yang khas Hamka. Karya ini tidak menyertakan kutipan secara langsung dan juga banyak menggunakan sumber lokal yang ditinggalkan oleh peneliti modern.”

Buku ini membahas faktor sejarah yang berpengaruh terhadap perkembangan budaya dan sosial masyarakat Islam dan menganalisis corak pemerintahan kerajaan-kerajaan awal yang pernah ditegakkan, dari cita-cita kenegaraan dan strukturnya yang sederhana di Madinah, membawa kepada perluasan dan perkembangan yang dahsyat di bawah pemerintahan Bani Umayyah, Bani Abbasiyah, penyerbuan dan penaklukan oleh kerajaan-kerajaan Islam di Afrika Utara dan Andalusia, kerajaan-kerajaan di wilayah timur sebagai Parsi, Afghanistan dan India seperti kerajaan Ghaznawi, kerajaan Ghuri, kerajaan Delhi kerajaan Mughal, timbulnya kerajaan Uthmaniyah di Eropah Timur, dan penegakkan kerajaan-kerajaan Melayu di kawasan pesisir yang strategik di daerah Samudera-Pasai, Melaka, Aceh, Johor-Riau, Demak, Pajang, Mataram, Bantam di Pulau Jawa serta Ternate

di kepulauan Maluku. Sejarah dari perluasan Islam di kepulauan Melayu-Indonesia ini diperkuuh oleh sumber-sumber yang autentik, “dari buku-buku lama pusaka nenek moyang kita, yang setengahnya benar-benar dikeluarkan dari simpanan perbendaharaan lama” (Hamka, 1982), selain bahan-bahan sejarah dan sumber-sumber klasik yang tidak dicetak yang diperolehnya dari simpanan raja-raja Melayu. Bahan sejarah ini didapatkan sepanjang tempoh pengembaraannya di sekitar kepulauan Borneo, Kalimantan Utara (Brunei dan Sarawak), Indonesia dan Tanah Melayu di istana pemerintah negeri-negeri Melayu yang terkemuka, seperti Seri Paduka Sultan Siak Seri Inderapura (1940), Sultan Terengganu (1955), Sultan Perak (1958), Aru Mapanyuki Raja Bone (1955), Raja Gowa (1956), Tengku Ahmad Tajuddin Ibni Sultan Mahmud Kedah, dan Sultan Brunei (1960). Penemuan penting yang diambil dari bahan-bahan sejarah kepunyaan istana ini telah membawa kepada pandangan baru tentang sejarah Islam di alam Melayu yang mencabar keterangan-keterangan orientalis selama ini yang mengartikulasikan pandangan sejarah arkipelago mengikut acuan penjajah. Pemikiran sejarah yang dibawanya mencabar penulisan-penulisan sejarah karangan orientalis yang memihak kepada penjajah Inggeris dan Belanda, di mana menurutnya: “Kadang-kadang apabila dibaca catitan-catitan raja-raja Melayu itu, dibandingkan kepada apa yang ditulis oleh pengarang asing (Belanda-Inggeris), terdapat perbedaan pandangan yang jauh sekali, sebagai jilid terakhir dari buku ini.” (Hamka, 2016: 12) .

Nukilan-nukilan sejarah yang substantif dirumuskan dari pembacaan dan perbandingannya yang ekstensif terhadap karya-karya tarikh yang besar seperti *Tarikh al-Tabari*, *al-Kamil fi al-Tarikh*, *al-Bidayah wal-Nihayah*, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, *The Preaching of Islam*, selain kitab-kitab klasik yang berpengaruh di alam Melayu seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Raja-Raja (Bustanul Salatin)* oleh Sheikh Nuruddin Raniri, *Tuhfatun Nafis (The Precious Gift)* oleh Raja Ali Haji, *Sejarah Cheribon*, *Babad Gianti*, *Hikayat Merong Mahawangsa* dan lain-lainnya. Penulisan sejarah ini penting kerana aliran dan pergulatan sejarah yang diangkat itu mempunyai signifikasi tersendiri dalam mencorakkan dan

menemukan sejarah kemanusiaan yang baru: “dengan serba ketenangan, haruslah kita meninjau kepada sejarah. Perjalanan hidup suatu bangsa yang telah terdahulu menjadi pengajaran dan iktibar bagi kita untuk melanjutkan usaha yang tiada putus bagi mempertinggi kemanusiaan” (Hamka, 1985: 129).

Menurut Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan et al (2013) dalam menyikapi metode yang digariskan Hamka dalam penyusunan buku *Sejarah Umat Islam* ini “perbahasan sejarah di dalam karya beliau menggunakan metode kajian berdasarkan kawasan atau benua, yang dikenali sebagai *area studies*, sebagai pecahan kepada perbahasan sejarah Islam dimulai dengan perbincangan zaman Semenanjung Tanah Arab sebelum Islam hingga perkembangan agama Islam di kawasan Nusantara.” Ayis Azmi Aulia (2019) dalam kajiannya tentang corak historiografi dalam *Sejarah Umat Islam* menyorot metode sejarah yang kritis yang dipaparkan Hamka yang memberi kesan yang berpengaruh terhadap aspirasi sejarah moden: “Historiografi Islam Hamka lebih banyak menekankan kepada periode daripada daerah. Penulisannya lebih banyak menekankan kepada peranan pahlawan dan sultan dalam bangun dan tenggelamnya kerajaan Islam, sehingga ia dikenal sebagai penulis sejarah *heroworship*. Penulisan Hamka dalam bukunya *Sejarah Umat Islam* memiliki bentuk kronik yang berdasarkan urutan waktu kejadian.” Sementara Fabian Fadhly Jambak (2017) menilik bahawa historiografi Hamka tak terlepas dari filsafat sejarahnya yang mendasar, yang dimaknai oleh tiga unsur yang asas, di mana “tiga unsur yang menjadi dasar filsafat sejarah Hamka yaitu tauhid, akhlak dan akal.” Menurut Hamka, pembacaan sejarah penting untuk dihadam bagi mempelajari nilai dari kesan-kesan kemanusiaan dan ketamadunan yang ditinggalkan, dan merasai sejarah perjuangan purbakala “meninjau sejarah hendaklah dengan rasa cinta. Meninjau sejarah hendaklah kita seakan-akan merasai bahwa kita turut hidup dengan mereka. Sebab rasa hati kita sekarang, suka duka kita sekarang, adalah rasa hati dan suka duka yang mereka telah tinggalkan buat kita.” (Hamka, 1982).

Karyanya merumuskan prinsip dan idea yang signifikan tentang intisari dan metode kesejarahan (historiografi) Islam dan kesannya terhadap pandangan dan pemikiran sejarah yang mendasar. Pengaruh yang krusial dari kesedaran sejarah dalam membentuk pandangan hidup yang jelas terhadap ajaran Islam ini diungkapkan dalam pengantar *Sejarah Umat Islam*: “kita masuk kepada fasal yang penting di dalam buku ini, iaitu menerangkan rahsia ajaran Nabi Muhammad s.a.w. dan intipati daripada agama Islam, sebagai suatu agama yang telah membangunkan suatu peradaban besar dan kebudayaan tinggi yang tidak dapat dilalui begitu saja” (Hamka, 2016). Sebelumnya beliau telah menghasilkan sebuah ikhtisar tentang sejarah Islam dalam bukunya *Ringkasan Tarikh Ummat Islam* (1929) yang mengimbau pengaruh ajaran Islam terhadap perubahan dan kekuatan dan kemajuan kerajaan-kerajaan Islam dan kesannya dalam menggerakkan dan mempertinggi budaya dan peradaban.

Kekuatan karyanya adalah dalam menyingkapkan konteks dan ideal yang dizahirkan sepanjang lintasan sejarah dan latar peristiwa yang bergulat di dalamnya. Tinjauannya yang menyeluruh terhadap kesan-kesan historik yang meluas ini memperlihatkan kecekalannya dalam menyingkap semula lembaran sejarah yang signifikan dan pemikiran yang berkembang dalam peradaban-peradaban dunia yang besar. Ia menzahirkan aspirasi yang jelas bagi mengimbau fikrah dan tradisi sejarah yang berkembang serta memahami ideologi dan corak kajian kesejarahan di masa lampau dan mutakhir.

Penghasilan buku ini merupakan ikhtiarnya dalam menyambung tradisi kesarjanaan dan kepujanggaan Islam sejak zaman awal dan pertengahan. Ramai ahli tafsir Islam yang besar merupakan pelopor dan pentafsir sejarah dan kesejarahan (historiografi) Islam yang muktabar seperti Al-Tabari (*Tafsir al-Tabari, Tarikh al-Rusul wa 'l-Muluk*), Ibn Kathir (*Tafsir al-Qur'an al-'Azim, Al-Bidayah wa 'l-Nihayah*), Jalal al-Din al-Suyuti (*Tafsir al-Jalalayn, Tarikh al-Khulafa'*), Muhammad Abu Zahrah (*Zahrah al-Tafasir, Tarikh al-Madhabib al-Islamiyyah*), Muhammad Rashid Rida (*Tafsir al-Manar, Tarikh al-Ustadh al-Imam Muhammad Abduh*), Abdul Halim Hassan

(*Tafsir al-Qur'an al-Karim, Tarikh Kejadian Shara'*) T.M. Hasbi al-Shiddiqie (*Tafsir al-Qur'an al-Madjied [Tafsir al-Nur], Sejarah Hadits*) dan Hamka (*Tafsir al-Azhar, Sejarah Umat Islam*). Penulisan yang berhasil ini menampakkan keterkaitan yang rapat antara tafsiran al-Qur'an dengan pemahaman sejarah yang signifikan tentang pertembungan dan tantangan zaman yang bergulat.

Hamka membahas tentang sejarah awal Islam dan perkembangan dan kemajuan pesat dakwahnya di tanah Arab, usaha perluasan dan penegakkan negara Islam di Madinah, dan kempen perluasan empayarnya di zaman Khulafa' Ar-Rasyidin, Bani Umayyah, Abbasiyah, Bani Idris di Afrika Utara, kerajaan Fatimiyah di Mesir, Bani Saljuk di Iraq (Turki), Bani Buwayhid di Iran (Parsi), Bani Tulun di Mesir, kerajaan Tawa'if di Andalus, Uthmaniyyah di Konstantinopel dan kesultanan Islam di Asia Tenggara.

3. Teori Hamka dalam *Sejarah Umat Islam*

Dalam buku *Sejarah Umat Islam*, dalam perbahasan tentang sejarah masuknya Islam ke Asia Tenggara, Hamka tuntas mempertahankan pandangan bahawa Islam telah masuk ke rantau ini seawal kurun ke 7 M. Menurutnya, teori kedatangan Islam ke rantau ini pada pertengahan abad ke-14 tidak dapat dipertahankan, kerana “penyelidikan kemudian yang lebih saksama tidak lagi berpegang kepada kemungkinan demikian” (Hamka, 2010: 16). Sumber sejarah membuktikan Islam telah lama bertapak di gugusan melayu sejak kurun ke 7 M, di bawah kempen perluasan Khilafah Islam, dan perutusan dakwah dan perdagangan yang berpunca dari jazirah Arab, seperti ditegaskannya “Agama Islam telah lama terlebih dahulu masuk ke Aceh dan Sumatera khususnya dan Indonesia umumnya daripada abad ke-13 dan ke-14. Sebab pada zaman Khulafak Ar-Rasyidin sendiri pun perniagaan bangsa Arab telah sangat maju melalui Selat Melaka dari Laut Merah terus ke Tiongkok. Telah lama sebelum orang Portugis, orang Arablah yang menguasai perniagaan, sehingga banyaklah ahli-ahli geografi bangsa Arab menyebut tentang kerajaan Kilah (Kataha di Sumatera Tengah, atau Kedah di Malaya) dan Kerajaan Syarbazah (Sriwijaya).

Dalam abad kesembilan Masihi (abad ketiga Hijrah) telah ramai ahli-ahli geografi Arab itu memperkatakannya. Dan dalam suatu almanak Tiongkok tersebut bahawa pada tahun 674 Masihi sudah terdapat satu kelompok masyarakat Arab di Sumatera Barat. Kalau diingatkan bahawa Nabi Muhammad (s.a.w.) wafat pada 632 Masihi, nyatalah bahawa pada tahun 52 Hijrah, 42 tahun setelah Nabi (s.a.w.) wafat orang Arab telah mempunyai perkampungan di Sumatera Barat. Mungkin kata-kata “Pariaman” berasal daripada bahasa Arab “Barri Aman” (tanah daratan yang aman sentosa).” (Hamka, 2010: 17)

Pandangan ini sekaligus menolak teori yang menyatakan Islam berkembang di kepulauan Melayu pada pertengahan kurun ke 14 M, yang disimpulkan oleh ahli-ahli sejarah berdasarkan catatan dalam *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang, pengembaraan Marco Polo (1292 M) ke Sumatera Utara dan Ibn Batutah (1345 M) ke Pasai. Menurut Hamka, riwayat yang masyhur menulis bahawa yang mula-mula memeluk agama Islam di Minangkabau ialah seorang ketua kampung di tepi pantai Pasai Aceh, bernama *Merah Silu*, di bawah pimpinan seorang ulama yang datang dari Mekah. Dialah yang menjadi raja di Pasai dengan gelar “Al-Malik As-Saleh”. Namun menurutnya mustahil Merah Silu diangkat sebagai raja Islam jika masyarakat Islam belum berkembang di sana “tidaklah mungkin Merah Silu setelah memeluk agama Islam terus menjadi raja Islam, kalau masyarakat Islam belum ada terlebih dahulu. Apatah lagi pada zaman dahulu orang biasa memusatkan pencatatan sejarah kepada raja. Oleh sebab itu, sangatlah tipis kemungkinan bahawa sebelum tahun-tahun yang dikenalpasti itu belum ada pemeluk agama Islam di pantai-pantai Sumatera.” (Hamka, 2010: 17)

Ini diperkuuh dalam catatan *Sejarah Umat Islam* yang ditulisnya yang mempertahankan tesis ini di mana beliau mencatatkan, bahawa pada tahun 674-675 M, Cina kedatangan salah seorang sahabat Rasulullah (saw), Muawiyah bin Abu Sufyan (Dinasti Umayyah), bahkan disebutkan setelah kunjungan ke negeri Cina, Muawiyah melakukan peninjauan di tanah Jawa, yaitu dengan mendatangi kerajaan Kalingga. (Hamka, 1961: 660-2)

Ringkasnya, penetrasi Islam dalam masyarakat di kepulauan Melayu-Indonesia telah berlaku sejak zaman Bani Umayyah lagi, dan pengaliran dakwahnya telah dikenal dari kurun yang sangat awal. Keterangan ini turut didukung oleh ulama dan ahli sejarah yang lain seperti Haji Agus Salim dan Zainal Arifin Abbas, serta Sir Thomas Arnold dalam bukunya *The Preaching of Islam* yang menceritakan bahawa di pantai Barat pulau Sumatera telah didapati satu kelompok orang Arab, pada tahun 684 M.

4. Teori Al-Attas

Dalam karyanya yang spektakular, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Prof Sayid Muhammad Naquib al-Attas menekankan teori yang sama tentang sejarah kedatangan Islam ke “Kepulauan Melayu-Indonesia”. Analisisnya memperlihatkan persamaan dengan kupasan Hamka dalam *Sejarah Umat Islam*. Al-Attas menjelaskan bahawa proses Islamisasi di Archipelago Melayu berlaku dalam tiga tahap. Fasa pertama (dari sekitar 578-805/1200-1400), adalah fasa peralihan yang nominal atau penghijrahan ‘jasad’. Fasa kedua (dari sekitar 803-1112/1400-1700) merupakan period peralihan ‘rohani’ yang melihat pengaruh yang meningkat dan menyebarluas falsafah mistik, tasawwuf dan kalam. Fasa ketiga (dari sekitar 1112/1700 ke atas) menyaksikan penerusan dan penyempurnaan fasa kedua bersamaan dengan kedatangan Barat. (al-Attas 1969: 29:30), (Kamal Hassan, 2009: 212).

Pengaruh dari harakat dakwah Islam yang signifikan ini cuba diangkat dan disorot oleh Al-Attas dalam upaya menyanggah dan membungkam teori sarjana dan orientalis Barat yang hanya merakamkan pengaruh Hinduisme dan faham animisme yang dibawanya dalam pembentukan tamadun dan pemikiran Melayu dan memperkecilkan pengaruh Islam yang telah membentuk sejarah dan kebudayaannya yang besar selama berabad. Ini ditegaskannya dengan tuntas: “laksana hukuman yang telah dijatuhkan terhadap Islam, ialah bahwa Islam itu tiada membawa apa-apa perubahan asasi dan tiada pula membawa suatu tamaddun yang lebih luhur daripada apa yang sudah sedia ada [di Alam Melayu]. Bawaan pemikiran sarjana-sarjana ... [Barat] dari dahulu memang sudah mengisharatkan kechenderungan

kearah memperkecil-kecilkan Islam dan peranannya dalam sejarah kepulauan [Melayu]” (al-Attas 1972: 18)

Menurut al-Attas, kedatangan Islam telah membentuk budaya dan weltanschaung yang baru di mana literatur kalam dan metafizik Islam “telah menggerakkan proses revolusi pandangan dunia Melayu-Indonesia, menghapuskannya dari kekarutan mitos kepada faham intelek, akliyah atau nilai aturan”. (Kamal Hassan, 2009: 212).

D. Kesimpulan

Dari perbincangan ringkas di atas, dapat disimpulkan bahawa hujah dan pandangan yang dipertahankan Hamka dan Al-Attas mempunyai sandaran yang kuat dan meyakinkan bagi mencabar teori yang menyebut Islam masuk dari Gujerat pada kurun ke 13. Hamka telah mencetuskan penemuan yang penting tentang kedatangan Islam dari tanah Arab pada kurun ke 7 yang telah mengangkat kedudukan rantau ini sebagai pusat penyebaran dakwah yang penting dan menghubungkannya langsung dengan tradisi Islam dan tamadunnya yang besar yang telah berurat berakar di rantau ini. Tangkisan terhadap teori Gujerat ini bermakna dalam menolak dakwaan bahawa kefahaman Islam telah dipengaruhi oleh adat kebudayaan Hindu yang menebal dalam masyarakat. Ia juga berhasil mematahkan serangan orientalis dan kecelaruannya tentang pandangan alam Islam yang sebenar yang harus dipertahankan dan diraikan yang bersifat inklusif yang merangkul semua budaya.

Kajian Hamka telah membuktikan ketinggian tradisi intelektual dan keaslian warisan Islam yang berkembang di Asia Tenggara dan kekuatan sejarah dan budaya masyarakat di kepulauan Melayu-Indonesia. Kefahaman sejarah yang signifikan tentang warisan Islam yang sebenar dan tulin yang tersebar sejak zaman permulaan Islam di rantau ini mampu melakarkan sejarah baru dan menjadi titik penting dalam memahami hubungan dakwah Islam dengan pemikiran dan tradisi Islam yang asal yang bertahan di nusantara.

Kedatangan Islam telah memberi sumbangan yang bermakna dalam merubah pandangan dan weltanschauung umat dengan penitisan pandangan tauhid (monoteisme) yang melahirkan kesedaran dan kefahaman ontologi, kosmoloji dan psikoloji yang baru, dan turut mengasak faham dan tradisi ilmu

yang kuat, serta merungkai minda umat yang “sebelumnya berdasarkan mitos serta tahuyl kepada pemikiran yang rasional”. Ia telah mencetuskan pencerahan dan perubahan yang radikal dan memberikan nafas dan idealisme baru dalam alam pemikiran melayu yang rasional, seperti dikupas oleh DS Anwar: “Menghayati Islam bererti membebaskan diri dan pemikiran daripada dibelenggu oleh fahaman dan pengertian hidup usang dan terpesong. Ada cebisan yang diwarisi sejak berzaman termasuk faham tahuyl dan khurafat. Ini termasuk pendewaan terhadap sistem pemikiran asing dan kesan daripada propaganda licik yang terus disogok oleh pemerintah.” (Anwar Ibrahim, 2010: 42).

E. Daftar Pustaka

- Al-Attas, S.M.N. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S.M.N. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anwar Ibrahim, 2010. *Jelaskan Wadah Perbaharui Tekad (Pesanan Buat Generasi Muda Islam)*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru.
- Ayis Azmi Aulia. 2019. Historiografi Islam Hamka: Studi Atas Karya Sejarah Umat Islam. Skripsi Sarjana, Fakultas Adab dan Ilmu Budaya UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Ezad Azraai Jamsari, Noranizah Yusuf, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Adibah Sulaiman @ Mohamad. 2011. Sejarah Kerajaan Islam di al-Andalus menurut buku Sejarah Umat Islam Karya Hamka. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, disunting oleh Azmul Fahimi Kamaruzaman et al. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, UKM, Bangi.
- Jambak, Fabian Fadly. 2017. “Filsafat Sejarah Hamka: Refleksi Islam dalam Perjalanan Sejarah”, *Jurnal Theologia*, 28 (2), 255-272.
- Hamka. 1961. *Sejarah Umat Islam*. Jakarta: N.V. Nusantara.
- Hamka. 1980. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 1982. *Dari Perbendaharaan Lama*. Jakarta: Putaka Panjimas.
- Hamka. 1985. *Keadilan Sosial dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka. 2010. *Ayahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera*. Shah Alam: Pustaka Dini.

Hamka. 2016. *Sejarah Umat Islam*. Batu Caves: PTS.

Mohd Kamal Hassan. 2009. “Facets of Southeast Asia Constituting the Socio-Cultural and Socio-Political Contexts for Islamic Da‘wah”, dalam Mohd Yusof Hussain (ed.). *Readings in Islamic Da‘wah*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Nafisa Nurbayyinah Sulaeman. 2018. Sejarah Umat Islam Jilid IV Karya Hamka: Perspektif Historiografi Islam Indonesia. Skripsi Sarjana, Fakultas Adab dan Humaniora UIN Sunan Gunung Djati, Bandung.

Rusydi Hamka, 2012. *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu: Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini.